

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Jumaat, 19 Januari 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA
DISEMBER 2023

Jumlah dagangan Malaysia pada Disember 2023 menurun 4.3 peratus kepada RM225.1 bilion

PUTRAJAYA, 19 Januari 2024 – Jumlah dagangan Malaysia terus mengalami penurunan pada Disember 2023, merekodkan kemerosotan untuk bulan ke-10 berturut-turut sejak Mac 2023, didorong oleh permintaan global yang lemah dan harga komoditi yang rendah. Jumlah dagangan turun 4.3 peratus kepada RM225.1 bilion didorong oleh eksport yang lebih rendah, jatuh 10.0 peratus kepada RM118.5 bilion, tahun ke tahun. Sebaliknya, import menunjukkan peningkatan, mencatatkan peningkatan 2.9 peratus kepada RM106.7 bilion. Sementara itu,imbangan dagangan kekal dalam lebihan dengan nilai RM11.8 bilion, menyusut 57.8 peratus pada Disember 2023. Bagi prestasi keseluruhan 2023, jumlah dagangan merosot 7.3 peratus seiring dengan prestasi eksport (-8.0%) dan import (-6.4%). Prestasi perdagangan barang yang menggalakkan pada 2022 mempengaruhi pertumbuhan tahunan pada tahun ini seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA, DISEMBER 2023**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Prestasi eksport Malaysia mencatatkan penguncutan pada Disember 2023 selaras dengan penurunan yang ditunjukkan oleh kedua-dua eksport semula dan eksport domestik. Eksport semula berjumlah RM21.2 bilion, menyusut 20.3 peratus berbanding Disember 2022. Eksport domestik bernilai RM97.3 bilion, menyumbang 82.1 peratus kepada jumlah eksport, berkurang 7.4 peratus. Import pada Disember 2023 bernilai RM106.7 bilion, naik 2.9 peratus berbanding bulan yang sama tahun lepas. Sementara itu, lebihan dagangan menguncup 57.8 peratus kepada RM11.8 bilion, lebihan dagangan ke-44 bulan berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding November 2023, prestasi eksport, import, jumlah dagangan dan imbang dagangan merekodkan penurunan masing-masing 2.7 peratus,

2.6 peratus, 2.6 peratus dan 3.6 peratus.”

Meninjau dari sudut kumpulan barang, 132 daripada 257 kumpulan eksport menunjukkan penurunan, manakala 132 daripada 259 kumpulan import meningkat berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia menjelaskan bahawa eksport yang lebih rendah disumbangkan oleh penurunan terutamanya ke Singapura (-RM5.2 bilion) diikuti Kesatuan Eropah (-RM3.1 bilion), India (-RM1.0 bilion), Republik Korea (-RM815.4 juta), Amerika Syarikat (-RM792.7 juta), Hong Kong (-RM731.8 juta) dan Thailand (-RM565.3 juta). Sementara itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari Amerika Syarikat (+RM1.5 bilion), diikuti oleh Singapura (+RM1.3 bilion), Republik Korea (+RM732.2 juta), Sudan (+RM592.9 juta), Arab Saudi (+RM530.2 juta) dan Rusia (+RM436.6 juta).

Mengulas lebih lanjut, penyusutan eksport selaras dengan pengurangan oleh barang elektrik & elektronik (-RM6.3 bilion); minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan minyak kelapa sawit (-RM2.8 bilion) dan keluaran petroleum (-RM2.6 bilion). Sementara itu, peningkatan import dicatatkan bagi petroleum mentah (+RM2.3 bilion); barang elektrik & elektronik (+RM1.9 bilion) dan pertanian lain (+RM640.7 juta).

Selanjutnya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Peningkatan import mengikut Penggunaan Akhir seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barang modal dan barang perantaraan. Import barang modal bernilai RM12.4 bilion, meningkat 24.6 peratus berbanding Disember 2022, mewakili 11.6 peratus daripada jumlah import. Barang perantaraan (56.2% daripada jumlah import), meningkat 10.1 peratus daripada RM54.5 bilion pada tahun sebelumnya kepada RM60.0 bilion. Barang penggunaan (8.6% daripada jumlah import), bernilai RM9.2 bilion, mencatatkan penurunan 0.7 peratus atau RM60.3 juta.”

Prestasi bagi suku tahun keempat (ST4) 2023, jumlah dagangan dan eksport mengalami penurunan berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Jumlah dagangan jatuh 3.2 peratus, sejajar dengan pengurangan eksport (-6.9%). Manakala, import meningkat 1.3 peratus. Lebihan dagangan berjumlah RM36.9 bilion, berkurang 45.9 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2022.

Jumlah dagangan, eksport, import dan lebihan dagangan bagi keseluruhan tahun 2023 turut mencatatkan penurunan. Jumlah dagangan turun 7.3 peratus, daripada RM2.8 trilion kepada RM2.6 trilion, sejajar dengan penurunan eksport (-8.0%) dan import (-6.4%). Pada masa yang sama, lebihan dagangan merosot 16.4 peratus kepada RM214.1 bilion.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari

<https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Untuk maklumat lanjut, boleh layari www.padu.gov.my. Sebarang pertanyaan sila hubungi talian hotline 1-800-88-7721 atau log masuk secara online melalui SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2022 – Dis 2023
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2018 – 2023



**Carta 3: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
Jan 2022 – Dis 2023**
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



**Carta 4: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC),
2018 – 2023**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
19 JANUARI 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Friday, January 19th, 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT
MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS
DECEMBER 2023**

Malaysia's total trade in December 2023 decreased by 4.3 per cent to RM225.1 billion

PUTRAJAYA, January 19, 2024 – Malaysia's total trade faced a continuous decline in December 2023, marking the 10th consecutive month of downturn since March 2023, driven by weakened global demand and lower commodity prices. Total trade fell by 4.3 per cent to RM225.1 billion attributed from lower exports of 10.0 per cent to RM118.5 billion, year-on-year. In contrast, imports showed a rise, registering an increase of 2.9 per cent to RM106.7 billion. Meanwhile, trade balance remained in surplus with a value of RM11.8 billion, shrank by 57.8 per cent in December 2023. For the overall performance in 2023 period, total trade declined by 7.3 per cent along with export (-8.0%) and import (-6.4%) performance. The favorable performance of merchandise trade in 2022 influenced the annual growth for this year as reported today in **MALAYSIA EXTERNAL TRADE STATISTICS BULLETIN, DECEMBER 2023**. This bulletin also presents the performance of export and import products with its trading partners.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's export performance recorded a reduction in December 2023 in line with the decline by both re-exports and domestic exports. Re-exports amounted to RM21.2 billion, shrank by 20.3 per cent as compared to December 2022. Domestic exports worth RM97.3 billion, contributing 82.1 per cent to total exports, dropped by 7.4 per cent. Imports in December 2023 worth RM106.7 billion, rose by 2.9 per cent as compared to the same month last year. Meanwhile, trade surplus, contracted by 57.8 per cent to RM11.8 billion, was the 44th consecutive month of trade surplus since May 2020. As compared to November 2023, the performance of exports, imports, total trade and trade balance recorded a contraction of 2.7 per cent, 2.6 per cent, 2.6 per cent and 3.6 per cent, respectively."

From the perspective of the commodity group, 132 out of 257 export groups showed a decline, while 132 out of 259 import groups increased compared to the same month of the previous year.

Chief Statistician Malaysia explained that the slower exports was attributable to the decline mainly to Singapore (-RM5.2 billion) followed by the European Union (-RM3.1 billion), India (-RM1.0 billion), Republic of Korea (-RM815.4 million), the United States (-RM792.7 million), Hong Kong (-RM731.8 million) and Thailand (-RM565.3 million). Meanwhile, higher imports was mainly from the United States (+RM1.5 billion), followed by Singapore (+RM1.3 billion), Republic of Korea (+RM732.2 million), Sudan (+RM592.9 million), Saudi Arabia (+RM530.2 million) and Russia (+RM436.6 million).

Commenting further on exports, the fall was in line with the drop in electrical & electronic products (-RM6.3 billion); palm oil & palm-based agriculture products (-RM2.8 billion) and petroleum products (-RM2.6 billion). Meanwhile, the increase in imports was logged for crude petroleum (+RM2.3 billion); electrical & electronic products (+RM1.9 billion) and other agriculture (+RM640.7 million).

Adding to this, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The rise in imports by End Use was in line with higher demand for capital goods and intermediate goods. Imports of capital goods with a value of RM12.4 billion, rose by 24.6 per cent as compared to December 2022, representing 11.6 per cent of total imports. Intermediate goods (56.2% of total imports), grew by 10.1 per cent from RM54.5 billion in the previous year to RM60.0 billion. Consumption goods (8.6% of total imports), valued at RM9.2 billion, registered a decrease of 0.7 per cent or RM60.3 million."

Performance for the fourth quarter of 2023, total trade and exports experienced a decline compared to the same period last year. Total trade fell by 3.2 per cent, aligning with the reduction in exports (-6.9%) while, imports increased 1.3 per cent. The trade surplus amounted to RM36.9 billion, a decrease of 45.9 per cent compared to the same period in 2022.

Total trade, exports, imports and trade surplus also showed a downward trend for the overall performance in 2023 period. Total trade fell by 7.3 per cent, from RM2.8 trillion to RM2.6 trillion, in line with the decline in exports (-8.0%) as well as imports (-6.4%). At the same time, trade surplus declined by 16.4 per cent to post a value of RM214.1 billion.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains

individual and household profiles of citizens and permanent residents in Malaysia. PADU is enthusiastic ensuring all Malaysian are not left behind from the citizen centric initiatives by the Government. Please kindly register and update PADU by 31 March 2024. For more information, please visit <https://www.padu.gov.my>. If any inquiry, please contact 1-800-88-7721 or log it through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.

**Chart 1: External Trade Statistics, Jan 2022 – Dec 2023
(Value and Annual Percentage Change)**







Chart 2: External Trade Statistics, 2018 – 2023



*Chart 3: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
Jan 2022 – Dec 2023
(Value and Annual Percentage Change)*



*Chart 4: Imports for End Use & Broad Economic Categories (BEC) Classification,
2018 – 2023*



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

19 JANUARY 2024